

Publication: Harian Metro (Setempat, pg. 16)

Date: 13th December, 2019

Headline: Largest Cashless Store In ASEAN



Kuala Lumpur: JDX Presto Concept Store muncul sebagai gedung konsep tanpa tunai terbesar di Asia Tenggara dengan bayaran secara digital sepenuhnya.

Berkeluasan 50,000 kaki persegi, ia menampilkan lebih 3,000 Unit Penyimpanan Stok (SKU) produk dari dalam negara dan Asean termasuk elektronik, gajet, kesihatan, kecantikan, kelengkapan rumah, fesyen, makanan serta minuman daripada pelbagai jenama.

Hasil kerjasama antara PUC Berhad (PUC) dan Smuzcity Berhad (Smuzcity) itu melambangkan usaha bersama dalam mewujudkan landskap peruncitan tanpa tunai di negara ini.

Ia sekali gus memberikan pelanggan pengalaman membeli-belah yang lancar tanpa tunai untuk setiap barangan jualan. Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PUC Berhad, Cheong Chia Chou berkata, pelaksanaan gedung dalam talian ke luar talian (OzO) seperti sekarang merupakan satu pencapaian penting dalam perjalanan perniagaan mereka.

"JDX Presto Concept Store menggabungkan dunia dalam dan luar talian di mana manfaat diterima daripada kedua-dua saluran (OzO).

"Pembelian boleh dilaku-

Gedung tanpa tunai terbesar Asia Tenggara



CHEONG dan Kent bersama Tengku Datuk Hishammuddin (tengah) dan tetamu kehormat menyempurnakan majlis pembukaan.



IMBAS kod QR untuk membuat bayaran secara digital sepenuhnya.

kan sama ada dalam atau luar talian. Kita beri lebih banyak kemudahan dan pilihan.

"Misalnya, pelanggan yang datang ke gedung boleh terus membeli produk dan membawanya pulang manakala jika belian dibuat dalam talian, mereka boleh memilih mengambilnya di gedung ini mahupun terus dihantar ke rumah," katanya pada Majlis Pembukaan JDX Presto Concept Store di Pusat Beli-Belah Quill City, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengasas Smuzcity, Kent Lee Kian Yan, Naib Presiden Kanan

Pusat Beli-Belah Quill City, Justin Liew, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Quill, Koong Wai Seng; Pengurus Kanan Bahagian Bisnes Antarabangsa, Rantainya Bekalan dan Logistik JD Logistics, Gary Sun; Tengku Datuk Hishammuddin Zaizi Tengku Azman Shah Alhaj, Pemangku Pengerusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Datuk C Mathialakan dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Syarikat Quill, Datuk Michael Ong.

Sementara itu, Kent berkata, mereka berbangga dapat menggunakan teknologi

JDX bagi menggandakan kesenangan tanpa tunai kepada pembeli negara ini melalui aplikasi tempatan, Presto.

"Bersama PUC, kami komited untuk menambah inovasi dan memberi definisi baru landskap peruncitan serta membentuk pengalaman membeli-belah OzO yang unik kepada rakyat Malaysia.

"Gajet dan kosmetik menjadi antara kategori barangan paling popular yang dicari oleh pelanggan di dalam dan luar talian setakat ini.

"Produk kecantikan jena-

ma Lucenbase contohnya, menerima sambutan hangat daripada pelanggan di luar talian," katanya.

Membeli-belah di gedung berkenaan adalah mudah apabila pelanggan hanya perlu mengimbas kod QR produk pilihan mereka dengan menggunakan aplikasi Presto dan menikmati pengalaman pembayaran mudah melalui dompet elektronik (e-dompet) PrestoPay yang terdapat dalam aplikasi berkenaan.

Sempena pembukaan rasmi itu juga, pelanggan membuat pembelian barangan SKU terpilih pada har-

ga RM12.12 sehingga 15 Disember ini dengan mengimbas kod QR yang terdapat di dalam gedung untuk memperoleh PrestoPay Credits.

Lima pelanggan yang membelanjakan nilai minimum RM50 dalam gedung itu dari 12 hingga 31 Disember pula berpeluang untuk memenangi sepasang tiket masuk ke Taman Tema Disneyland Hong Kong.

Aplikasi Presto boleh di muat turun menerusi Apple Store dan Google Play. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.prestouniverse.com/presto>.